

**Jentera Pilihan Raya BN Diingatkan Hindari Amalan Berpuak-puak
Bernama
4 April, 2013**

MUAR, 4 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin mengingatkan jentera pilihan raya Barisan Nasional(BN) supaya tidak mengamalkan sikap berpuak-puak sepanjang tempoh pilihan raya umum ke-13 (PRU13) nanti.

Beliau berkata sikap itu perlu dihindari kerana ia akan memberi kesan negatif kepada hasrat BN untuk mencapai keputusan terbaik pada PRU-13.

"Kebimbangan kita adalah amalan factionalism (berpuak-puak)...ini berlaku dalam banyak parti...kalau ada kawasan tak bersatu sebab mungkin proses pemilihan peringkat parti, peringkat bahagian belum selesai...maka kita bimbang ia akan bawa kesan kepada kejayaan calon.

"Ia akan jadi halangan kepada matlamat capai kejayaan dalam pilihan raya. Sehubungan itu saya ingatkan semua pemimpin parti di setiap peringkat supaya beri perhatian kepada perkara ini," katanya.

Muhyiddin yang juga Timbalan Pengerusi BN pusat berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat jentera pilihan raya BN Bahagian Pagoh di Kompleks Seri Pekembar di sini hari ini, Turut hadir Pengerusi BN Pagoh Datuk Tahir Mohd Taat.

Beliau yakin perkara itu difahami oleh semua pemimpin di setiap peringkat dan mahukan mereka memainkan peranan supaya masalah seumpama itu tidak timbul.

Katanya ia merupakan antara dua perkara penting yang ditekankan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Pengerusi BN supaya diambil perhatian oleh semua jentera pilihan raya parti sepanjang tempoh menghadapi PRU13.

Beliau berkata Perdana Menteri juga mahukan senarai calon yang diumumkan nanti diterima dengan baik oleh semua pihak agar tidak timbul masalah yang boleh menjejaskan keputusan pilihan raya BN.

Menurutnya calon yang dipilih telah melalui proses tapisan rapi malah lebih rapi berbanding pada pilihan raya umum ke-12.

"Apabila sampai waktu calon diumumkan, maka seluruh peringkat ahli parti perlu beri kepercayaan dan terima keputusan itu supaya tidak timbul kerenah yang boleh menjejaskan tumpuan parti pada pilihan raya," katanya.

Pemilihan rapi dilakukan, katanya kerana senario politik pada masa kini tidak lagi sama seperti dahulu yang mana ia memerlukan perincian rapi terutama di kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tertentu.

Katanya perincian ini termasuk calon yang sesuai dan diterima baik serta mendapat sokongan besar bagi memastikan kemenangan BN di kawasan itu.

"Kita juga bekerjasama dengan parti komponen...kita bukan bertemu sekali tetapi banyak kali, kalau ia belum diputuskan kita akan minta pemimpin itu balik kawasan dan datang balik dengan formula dan calon yang terbaik di kawasan itu," katanya.

Menurutnya, proses pemilihan calon kini hampir selesai dan dalam peringkat tapisan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia, dan Jabatan Insolvency selain perlu lulus ujian pemeriksaan kesihatan.

Sementara itu, katanya langkah Perdana Menteri untuk mengumumkan senarai nama calon terpilih lebih awal adalah bagi memberikan lebih banyak masa kepada pengundi untuk mengenali calon.

Selain itu, Muhyiddin berkata ia juga bagi membolehkan bahagian berkenaan menerima calon berkenaan dan bekerja sebagai satu pasukan dan tidak menjadi penghalang apabila kempen bermula.

Beliau turut mengingatkan jentera pilihan raya parti supaya mematuhi undang-undang dan peraturan pilihan raya umum.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939616>